

Tanggung rugi akibat banjir kilat

Penduduk mahu pemaju projek perumahan mewah bertanggungjawab

IZWAN ROZLIN

SUBANG – Banjir kilat yang berlaku sejak seminggu lalu di Jalan Subang Ihsan, Kampung Melayu Subang menyebabkan 30 rumah di kawasan itu terjejas.

Kejadian berlaku apabila sebuah tapak projek perumahan mewah berhampiran gagal membina sistem perparitan sempurna bagi mengelak masalah itu timbul.

Penduduk, Mahadhir Marjuni, 38, berkata, kejadian menyebabkan dia kini terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 selepas perkakas rumah termasuk barangan elektrik rosak ditenggelami air.

“Kejadian pada waktu petang kelmarin berlaku apabila air masuk mendadak ke dalam rumah berikutan limpahan air longkang,” katanya.

Menurutnya, dua rumah lagi yang didiami ibu dan saudaranya turut dimasuki air lumpur berpunca dari masalah sama.

“Sebelum ini tidak pernah berlaku banjir kilat, sejak kerja tanah di tapak projek perumahan masalah ini mula berlaku dan ia kini menjadi masalah besar majoriti penduduk di situ,” katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kerja-kerja tanah giat dijalankan oleh kontraktor terlibat sebelum melaksanakan pembinaan 90 rumah banglo di atas tanah seluas dua hektar itu.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung

“Sebelum ini tidak pernah berlaku banjir kilat, sejak kerja tanah di tapak projek perumahan masalah ini mula berlaku dan ia kini menjadi masalah besar majoriti penduduk di situ.”

Mahadhir

Melayu Subang, Mohd Salim Abdul Rahman berkata, masalah tersebut berlaku disebabkan air tanah di kawasan tapak projek dialirkan ke longkang kampung.

“Mereka tidak boleh alirkan air dari tapak projek ke longkang penduduk kerana tindakan itu menyebabkan longkang dipenuhi tanah dan lumpur sekaligus menyebabkannya tersumbat,”

Seorang pekerja sedang membersihkan bahagian belakang rumah penduduk yang terjejas.

katanya.

Menurutnya, JKKK tidak bersetuju sekiranya perkara itu terjadi kerana air dari tapak projek harus melalui saliran mereka sendiri menuju ke longkang besar.

“Perkara ini perlu dikaji semula malah apa yang dikesalkan sepatutnya pemaju terlibat perlu menyiapkan terlebih dahulu projek infrastruktur sebelum kerja tanah dimulakan,” katanya.

Dalam pada itu, kerja-kerja membina sistem saliran air buangan tapak projek sedang dijalankan malah pemaju dilihat akan meletakkan guni pasir bagi mengelak air melimpah masuk ke kawasan rumah berhampiran tapak projek itu semalam.

Sementara itu pemaju terlibat ketika dihubungi enggan mengulas lanjut namun *Sinar Harian* dimaklumkan satu pertemuan bersama penduduk dan pihak JKKK akan diadakan esok (hari ini).

“Perkara ini perlu dikaji semula malah apa yang dikesalkan sepatutnya pemaju terlibat perlu menyiapkan terlebih dahulu projek infrastruktur sebelum kerja tanah dimulakan.”

Mohd Salim



Lawatan pihak JKKK dan wakil kontraktor ke kawasan rumah penduduk.



Penduduk tidak setuju saliran air tapak projek ini dialirkan ke longkang kampung.



Longkang dipenuhi tanah dan lumpur.